

09/05/1997

Urusan penting tetap dirujuk

SUBANG, Khamis - Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, semua urusan dan keputusan penting kerajaan tetap akan dirujuk kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, walaupun Perdana Menteri memberi kuasa penuh kepadanya memangku jawatan itu.

"Saya ucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri kerana memberi kepercayaan kepada saya. Tetapi ini adalah urusan teknikal. Datuk Seri Dr Mahathir masih Perdana Menteri.

"Urusan-urusan penting dan utama saya masih rujuk pada beliau," katanya diminta mengulas pelantikan beliau memangku jawatan Perdana Menteri sepanjang Dr Mahathir bercuti di luar negara selama dua bulan mulai 19 Mei ini.

Anwar dan isteri, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail, berada di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz di sini, menyambut Dr Mahathir dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali serta rombongan yang pulang dari lawatan ke Malawi, Botswana dan Afrika Selatan, tengah hari ini.

(END)